

## SIMCA DAN REEF GUARDIAN SDN. BHD.

*Sugud Islands Marine Conservation Area* atau lebih dikenali sebagai SIMCA merupakan kawasan pemeliharaan marin. SIMCA terletak di Laut Sulu dan di dalam lingkungan *Coral Triangle* yang merupakan salah satu daripada kawasan pemeliharaan marin yang diberi keutamaan dalam dunia. SIMCA telah diisytiharkan sebagai kawasan pemeliharaan marin Kategori II pada 3 Disember 2001 di bawah IUCN (*The World Conservation Union*). Perisytiharaan ini menjadikan SIMCA sebagai sebuah kawasan yang dilindungi bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem dan tujuan rekreasi.

SIMCA meliputi kawasan seluas 46,000 hektar yang terdiri daripada lautan, terumbu pantai cetek (*shallow coastal reefs*) dan rumput dasar laut (*sea grass beds*). Kawasan ini mempunyai pelbagai jenis haiwan marin dan tumbuhan marin. Terdapat tiga buah pulau yang terletak dalam lingkungan SIMCA, iaitu Pulau Lankayan, Pulau Billean, dan Pulau Tegaipil. Ketiga-tiga pulau tersebut mempunyai terumbu karang jenis *atoll* (pulau cincin). Objektif utama SIMCA adalah untuk memelihara dan melindungi habitat marin seperti terumbu dan batu karang serta rumput dasar laut. Selain itu, SIMCA juga bertujuan melindungi spesies marin yang dalam bahaya seperti penyu dan membendung pelbagai kegiatan manusia yang boleh mengancam habitat marin.

Gugusan kepulauan Sugud ini diuruskan oleh sebuah badan bukan kerajaan, *Reef Guardian (RG) Sdn. Bhd.* RG telah diberi konsesi oleh Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah untuk menjaga dan mengawal aktiviti manusia di kawasan pemeliharaan. Justeru RG perlu menjalankan pelbagai aktiviti untuk mengurangkan dan mengatasi masalah yang timbul akibat tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pihak. Selaras dengan itu, RG bukan sahaja perlu memajukan ketiga-tiga pulau tetapi juga menjaga, melindungi dan memulihara pulau-pulau tersebut, termasuk kawasan perairannya.

Untuk memastikan objektif utama SIMCA tercapai, beberapa peraturan dan undang-undang telah dikuatkuasakan. Sesiapa sahaja dilarang memancing atau menangkap ikan dengan apa cara sekali pun di kawasan SIMCA. Bagi penyelam skuba, mereka mestilah mempunyai lesen untuk menyelam. Mereka juga dilarang menyentuh dan mengambil sebarang terumbu karang. Selain itu, mereka juga dilarang mengambil apa-apa daripada laut, sama ada hidup atau mati, KECUALI sampah. Mereka juga dilarang mengganggu sebarang makhluk semasa menyelam. Bagi pengunjung yang membuat *snorkeling* pula, mereka mestilah *snorkel* atau berenang di kawasan yang disyorkan sahaja. Mereka juga dilarang memijak terumbu karang semasa *snorkeling*. Selain itu, mereka juga dilarang mengambil apa-apa daripada laut atau pantai, KECUALI sampah. Semasa penyu bertelur atau anak penyu dilepaskan ke laut, semua orang mestilah senyap dan tidak berdiri terlalu dekat dengan penyu dan anak penyu. Jarak yang disyorkan ialah dua (2) meter.

Langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan oleh RG hanya dapat direalisasikan sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing. Pihak kerajaan perlu sentiasa memantau polisi dan dasar yang ditetapkan oleh RG dan RG juga

perlu menyediakan polisi yang sesuai untuk memastikan SIMCA sentiasa terpelihara. Pada masa yang sama para pengunjung mestilah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya dapat bersama-sama menjaga khazanah ini.

Disedikan oleh,  
*Rita Yunus & Norhidayah Kundang*  
5 Rasional 2008  
SMK SANDAKAN  
Julai/Ogos 2008

